



TEKS UCAPAN

**YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN
KETUA PENGARAH
AGENSİ NUKLEAR MALAYSIA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN
AGENSİ NUKLEAR MALAYSIA
BILANGAN 4/2025**

"SYAWAL DIRAI, NUKLEAR DITERAJUI"

14 APRIL 2025 (ISNIN)

SALUTASI

Yang Berusaha Dr. Muhammad Rawi Mohamed Zin

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi;

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak Mansor

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal;

Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza Mohamad Hasan

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan & Perancangan Teknologi;

Yang Berusaha Dr. Shukri Mohd

Pengarah Kanan Program Pengurusan;

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah, tuan-tuan dan puan-puan, warga Nuklear Malaysia sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat meraikan bulan Syawal yang mulia ini dalam suasana kegembiraan dan kesyukuran. Hari ini, kita berhimpun bukan sekadar untuk menyambut Aidilfitri, tetapi juga untuk memperkukuh silaturahim serta semangat kebersamaan dalam keluarga besar Nuklear Malaysia. Masih belum terlambat lagi saya mewakili Pengurusan Tertinggi Nuklear Malaysia mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada seluruh warga Agensi Nuklear Malaysia.
2. Syawal melambangkan kemenangan setelah kita berjaya menjalani ibadah puasa selama sebulan. Ramadan bukan sekadar bulan menahan lapar dan dahaga, tetapi juga satu latihan membentuk disiplin, kesabaran, serta nilai ketekunan dalam diri kita. Justeru, kejayaan kita menyempurnakan Ramadan adalah satu pencapaian yang wajar diraikan dengan penuh kesyukuran.
3. Dalam kehangatan sambutan Aidilfitri ini, kita juga perlu merenung kembali nilai-nilai yang kita peroleh sepanjang Ramadan. Kesederhanaan, keikhlasan dan semangat persaudaraan yang dipupuk harus terus diterapkan dalam kehidupan seharian kita, termasuk dalam urusan kerja di Nuklear Malaysia.

4. Di kesempatan ini, saya mewakili Pengurusan Tertinggi Nuklear Malaysia ingin merakamkan ucapan takziah kepada warga kerja (Puan Hazlina Hassali, RMC) yang terkesan dengan insiden letupan saluran gas di Putra Heights baru-baru ini. Diharap dan didoakan semua urusan dipermudahkan, bersabar dan tabah dengan ujian yang dihadapi. Semoga Allah kurniakan pahala kesabaran dan menggantikan dengan sesuatu yang jauh lebih baik di dunia dan di akhirat.

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Tema perhimpunan kita hari ini, **"Syawal Dirai, Nuklear Diterajui"**, mencerminkan aspirasi kita dalam menerajui teknologi nuklear dengan semangat dan nilai-nilai murni yang kita peroleh sepanjang Ramadan dan Syawal. Teknologi nuklear bukan sekadar satu bidang penyelidikan, tetapi juga satu cabang yang mampu memacu kemajuan negara.

PERHATIAN TERHADAP TEKNOLOGI NUKLEAR

Tuan-Tuan, Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

6. Teknologi nuklear terus menjadi fokus utama dalam pembangunan negara dan telah lama digunakan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pertanian dan industri. Perkembangan teknologi semasa seperti kecerdasan buatan (AI) dan automasi juga membuka peluang baru untuk mengembangkan potensi teknologi nuklear dalam pelbagai sektor.

7. Norma masyarakat yang semakin terbuka terhadap teknologi inovatif memberi ruang kepada kita untuk memperkasakan penyelidikan dan aplikasi nuklear. Ini membuktikan bahawa sains dan teknologi nuklear perlu diterajui dengan lebih strategik bagi memastikan manfaatnya dapat dimanfaatkan secara menyeluruh oleh rakyat dan negara. Dari perspektif global, tenaga nuklear semakin mendapat perhatian dengan inisiatif seperti "Triple Nuclear Capacity" yang bertujuan meningkatkan kapasiti tenaga nuklear bagi memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat. Negara-negara maju telah mula mempergiatkan usaha dalam penyelidikan dan pembangunan tenaga nuklear sebagai langkah menangani isu perubahan iklim dan keperluan tenaga mapan.
8. Negara ASEAN seperti Myanmar dan Cambodia telah mula memasukkan tenaga nuklear sebagai sasaran tenaga masa hadapan. Ini merupakan satu anjakan paradigma yang sebelum ini lebih berfokus kepada sumber tenaga fosil (tradisional) kepada sumber tenaga lestari seperti tenaga nuklear dan tenaga boleh diperbaharui.

TUMPUAN KIAN TERTUJU KEPADA BIDANG TENAGA

9. Malaysia juga tidak terkecuali dalam meneroka potensi tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif yang mampan. Inisiatif negara dalam menjamin keselamatan tenaga dan mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 memerlukan satu pendekatan holistik, termasuk mempertimbangkan tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada penyelesaian jangka panjang.

10. Aspirasi negara terhadap tenaga nuklear semakin jelas apabila Timbalan Perdana Menteri menyatakan kesediaan Malaysia untuk mempertimbangkan penggunaan tenaga nuklear pada masa hadapan. Walaupun tiada keperluan mendesak buat masa ini, namun perancangan awal dan kajian mendalam perlu dilakukan agar Malaysia bersedia apabila tiba waktunya untuk beralih kepada tenaga nuklear.

PERANAN NUKLEAR MALAYSIA DALAM MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA DAN TEKNOLOGI NUKLEAR

Tuan-Tuan, Puan-Puan Serta Hadirin Sekalian,

11. Untuk memastikan aspirasi negara bagi mencapai net-zero karbon, Nuklear Malaysia memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu berbangkit berkaitan tenaga nuklear seperti perlindungan sinaran (radiation protection) dan pengurusan sisa nuklear (waste management). Dalam usaha ini, Nuklear Malaysia akan dilihat sebagai agensi utama yang memacu perkembangan tenaga penting ini dengan memberikan sokongan dari segi kepakaran teknikal, kajian berimpak tinggi, serta inisiatif lain yang diperlukan.

12. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan tenaga nuklear dan aplikasi teknologi nuklear di Malaysia. Antara pencapaian utama Bhagian Sokongan Teknikal sepanjang tahun 2024 termasuk:

- Penubuhan Pasukan Task Force Small Modular Reactor (SMR)
- Expert Mission on Decommissioning Plan and Ageing Management for Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP)
- National Training Course (NTC) on Reactor Engineering (RE)
- Bengkel Ageing Management Program Development for RTP
- Kursus Fusion Technology: Fundamental Course
- Forum for Nuclear Cooperation in Asia 2024
- Persiapan bagi Laporan Akhir Multipurpose Reactor
- IAEA First Coordination Meeting on Strengthening Regional Capabilities and Infrastructure to Support Research Reactor Safe Operation, Utilization, and Scientific Research for Prosperous Development

13. Langkah-langkah persediaan awal atau "groundwork" telah pun dimulakan dan perlu diteruskan dengan lebih efisien agar usaha ini dapat memberikan impak yang lebih besar dalam memastikan tenaga nuklear menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan negara.

FOKUS NUKLEAR MALAYSIA TAHUN 2025

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Dengan persiapan yang telah dilakukan, Nuklear Malaysia komited untuk terus memainkan peranan penting dalam pembangunan teknologi nuklear negara. Selaras dengan aspirasi 2025, beberapa inisiatif akan diberi tumpuan khusus, termasuk:
 - Memperkasakan penyelidikan dan inovasi dalam bidang tenaga nuklear dan aplikasi industri.
 - Memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) bagi mencapai aspirasi Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R).
 - Menganjurkan program latihan dan pembangunan kapasiti untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang nuklear.
 - Mengukuhkan kerjasama antarabangsa melalui penyertaan aktif dalam forum dan mesyuarat serantau.
15. Sempena kepengerusian ASEAN 2025, Nuklear Malaysia berbangga menjadi tuan rumah kepada 8th Annual Meeting of ASEAN Nuclear Power Safety Research (NPSR). Ini adalah satu langkah penting dalam memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai negara yang bersedia untuk menerajui penyelidikan dan pembangunan tenaga nuklear di rantau ini.

PENUTUP

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Warga Nuklear Malaysia Sekalian,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyeru kepada semua warga Nuklear Malaysia agar terus bersatu padu dan komited dalam menerajui bidang teknologi nuklear. Kejayaan yang kita kecapai hari ini adalah hasil usaha dan dedikasi bersama dan dengan semangat yang sama, kita akan terus membawa Nuklear Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.
 17. Sekali lagi, saya dan Pengurusan Tertinggi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga Syawal ini membawa keberkatan, kebahagiaan dan semangat baharu untuk kita terus berusaha dalam memajukan teknologi nuklear di Malaysia.
 18. Sekian Wabillahiltaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.
-